Peserta *Fun Walk* berjalan sambil kibar Jalur G

Lebih 100 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjayakan program *Fun Walk:* 1,000 Langka
sambil mengibarkan jalur gemilang sejauh 1.2 kilometer bermula daripada Pusat Aktiviti Pelajar (PAP)
Razak, UMP Pekan pada 15 Ogos 2019 yang lalu.

Hadir menyempurnakan acara pelepasan peserta ialah ahli Lembaga Pengarah UMP, Profesor Dato' Dr. R

Ketibaan para peserta disambut Naib Canselor UMP, Profesor Ir Dr. Wan Azhar Wan Yusoff yang meneri
Nur Adam Maximillian daripada Pusat Sukan dan Kebudayaan.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan
Profesor Dato' Dr. Rosli Abu Bakar.

UMP mengekalkan sambutan meraikan bulan kebangsaan setiap saban tahun dengan menampilkan prog
program *Fun Walk:* 1,000 Langkah Merdeka sebagai menyokong inisiatif Gaya Hidup Sihat yang dilaksana

Menurut Profesor Ir Dr. Wan Azhar, semangat para peserta yang membawa Jalur Gemilang menampakk
dalam kalangan warga UMP amatlah membanggakan.

"Ia sebahagian daripada acara yang dirancang dalam memeriahkan sambutan yang istimewa ini sebagai m

"Slogan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' bagi menekankan kepentingan perpaduan dan semanga
kemakmuran bersama.

"Ia bertepatan serta memupuk dan menyalakan nilai integriti serta jati diri rakyat Malaysia yang bersih da
Fiesta Sayangi Malaysiaku Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 peringkat UMP.

Pelbagai acara yang diatur sempena sambutan Bulan Kebangsaan ini berupaya menampilkan perspektif pa
UMP sebagai sebuah menara gading dan gedung ilmu pengetahuan.

Manakala perspektif patriotisme yang unik ini seharusnya menjadi satu perkongsian kepada warga terutamanya generasi muda untuk menghayati erti dan nilai kemerdekaan dengan penuh keinsafan dan ke

Turut berlangsung penyerahan jalur gemilang kepada wakil-wakil jabatan dalam menjayakan kempen kibar

Lain-lain program yang bakal dilaksanakan adalah Pertandingan Video Pendek, Bicara Cendekiawan Malaysiaku dan Pameran Hari Kebangsaan di Perpustakaan UMP.

Karnival STEM cungkil bakat pelajar sekolah dengan bu

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang berjaya mengumpulkan han menengah sekitar negeri Pahang dalam mengambil bahagian dalam Karnival STEM & Teknologi Hijau UMP Gambang pada 7 Ogos 2019 yang lalu.

Terdapat 15 program yang dijalankan sepanjang karnival ini berlangsung antaranya Pertandingan Reka Ci Air, Pertandingan Projek Video Digital STEM, Pertandingan Kapal Terbang Kawalan Jauh, Pertandingan Rumah hijau dan lain-lain lagi.

Majlis dirasmikan olh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato’ Dr. Yuser

Dalam ucapan perasmiannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Jabatan
yang diberikan kepada UMP sebagai rakan strategik Karnival STEM dan Teknologi hijau Negeri Pahang 20

Ujarnya pelbagai inisiatif ini dapat memupuk minat dalam membangunkan potensi dan memperkasak
berkaitan Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

“UMP sentiasa komited dan konsisten mendukung agenda Kementerian Pendidikan Malaysia bagi me
Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,” katan

Pihaknya sentiasa mencari peluang untuk mengadakan bengkel atau program berkaitan STEM di sekolah
minat murid-murid sekolah rendah dan menengah dalam subjek STEM.

Tambahnya lagi, Karnival STEM dan Teknologi Hijau Negeri Pahang 2019 berjaya menarik penyertaan
pelajar sekolah seawal usia enam tahun.

Ia juga membuktikan bahawa program berkaitan pendidikan STEM mampu menembusi pelbagai kumpu
dengan lebih kreatif dan interaktif.

Beliau mengharapkan UMP khususnya Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan
murni ini dan bekerjasama membincangkan langkah-langkah intervensi kursus yang boleh dilaksanaka
masa depan.

Hadir sama Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Pahang, Tuan Haji Abdul Rahim Mu
Industri dan Masyarakat UMP, Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin.

---

128 Pegawai Kadet PALAPES UMP terima pentauliahan

Oleh: KAPTEN MOHD AZAM MUHAMAD AKHIR, PEMANGKU TIMBALAN KOMANDAN PALAPES UMP.

Seramai 128 Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Pah darat, laut dan udara menerima pentauliahan sebagai Pegawai Muda dalam Perkhidmatan Angkatan Leftenan Muda.

Majlis Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam (UA) Ke-38 yang berlangs Johor Bahru, Johor pada 3 Ogos 2019 yang lalu telah disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Meja Tunku Mahkota Johor.

Baginda telah sudi mencemar duli untuk memeriksa perbarisan dan menerima tabik hormat daripada 1, Padang Kawad UTM.

Acara diteruskan dengan penganugerahan watikah tauliah kepada pegawai-pegawai muda tersebut yang c

Terdahulu dalam titah ucapannya, Tunku Ismail mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pega latihan dan bersedia untuk ditauliahkan sebagai pegawai tentera di ketiga-tiga cabang perkhidmatan d khasnya.

Baginda juga berpesan agar pegawai-pegawai muda ini menjadi insan yang lebih baik dengan berbeka seterusnya menjadi pemimpin yang sentiasa peka dengan pembangunan negara. Selain itu, menekanl negara dalam mengekalkan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum.

Dalam pentauliahan kali ini, Tunku Ismail berkenan menganugerahkan pedang kehormat kepada pegawai-

Seramai tiga orang orang Pegawai Kadet UMP yang mewakili perkhidmatan darat, laut dan udara telah dia

Mereka adalah Pegawai Kadet Sarjan Mohd Najmi Hamad Zamri dari PALAPES Darat yang merupakan dan Kesihatan Pekerjaan, Pegawai Rendah Kanan Amirul Aiman Johari dari PALAPES Laut yang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, manakala mewakili PALAPES Udara adalah Pegawai Rendah Kan pelajar Ijazah Sarjana Muda Komputer Sistem dan Rangkaian.

Bagi Leftenan Muda Mohd Najmi, beliau bersyukur dengan penganugerahan pedang kehormat dan berteri dan jurulatih yang mengajar dan mencurahkan ilmu ketenteraaan selama tiga tahun beliau mengikuti kursu

Beliau juga berazam akan terus bergiat aktif dan menyumbang tenaga di dalam pasukan Askar Wataniah w

Turut hadir mewakili UMP dalam majlis pentauliahan ini ialah Komander (K) Profesor Dato' Ts Dr. Yuse Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Pemangku Timbalan Komandan PALAPES UMP, Kapten Pembangunan Pelajar UMP, Dr. Ahmad Johari Mohamad.

Sidang Editorial

PENAUNG
Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR
Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR
Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS
Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB
MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK
Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO
Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN
Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terha tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada pen

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my

5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my

- 104 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

